

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, August 11, 2018 7:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kolaborasi Strategik Beri Manfaat Kepada UUM Dan IDFR



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

11 OGOS 2018 / 29 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KOLABORASI STRATEGIK BERI MANFAAT KEPADA UUM DAN IDFR



UUM ONLINE: Kuala Lumpur, 11 Ogos - Kolaborasi strategik yang dijalinkan antara Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) dengan Institut Diplomasi & Hubungan Luar Negeri (IDFR) sebuah institut latihan di bawah

Kementerian Luar Negeri membolehkan kedua-dua organisasi memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman masing-masing mengenai diplomasi dan hal ehwal antarabangsa.

Ketua Pengarah IDFR, Datuk Mohamad Sadik Kethergany berkata kolaborasi strategik ini adalah penting memandangkan Malaysia kini berada di persimpangan yang getir dan di tengah situasi geopolitik yang penuh dengan cabaran.

"Halatuju dasar luar negara seharusnya juga dinamik sejajar dengan perubahan geopolitik yang pesat dan ini akan hanya dapat ditangani dengan ampuh sekiranya input polisi yang diterima bukan sekadar dari saluran konvensional dan formal.

"Sumbangan ahli akademik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan pada saluran Track 2 dalam diplomasi adalah penting bagi merangka dasar yang menyeluruh dan saling melengkapi.

"Justeru IDFR tidak mahu ketinggalan dalam perjalanan menelusuri laluan berliku tersebut dan wajar sentiasa bersedia dalam menghadapi apa jua keadaan dan situasi sekalipun," ujar beliau pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UUM dan IDFR di Bilik Treaty, Institut Diplomasi & Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri, semalam.

Jelas beliau MoU berkenaan adalah unik kerana IDFR menjalinkan kolaborasi strategik dengan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mempunyai sekolah pengajian antarabangnya yang tersendiri.

"Melalui kolaborasi ini bukan sahaja pelajar dan ahli akademik UUM mendapat pendedahan dan pengalaman praktikal bidang diplomasi daripada pengamal-pengamal bidang berkenaan malah para diplomat dapat turut sama menyertai bidang kajian dalam topik-topik semasa yang mempunyai impak kepada dasar luar negara.

"Strategi serampang dua mata ini bukan sahaja dapat memperkayakan ilmu dan pengalaman pelajar-pelajar dan ahli akademik UUM tetapi juga mendekatkan diplomat Malaysia kepada persekitaran ilmiah yang luas," tambahnya.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata UUM amat berbesar hati kerana IDFR berminat untuk menjadi rakan kolaborasinya.

"MoU ini juga akan menghasilkan pelbagai usaha termasuk latihan, aktiviti penyelidikan dan penerbitan bersama, ceramah, peluang latihan siswa dan kami juga akan mendapat bimbingan dan bantuan dari IDFR untuk meningkatkan kualiti pengajaran dalam pelbagai aspek diplomasi dan hubungan luar negara," katanya.

Tambah Naib Canselor lagi, salah satu aktiviti yang akan terus dilaksanakan ialah melatih cohort pertama diplomat Malaysia, Oktober ini.

"Selain itu usahasama UUM dengan negara-negara Asean juga akan dipertingkatkan melalui IDFR misalnya lokasi UUM yang dekat dengan perbatasan Thailand menjadikan UUM amat sesuai dijadikan tempat rujukan mengenai semua masalah dan konflik di selatan negara itu," ujarnya.

Pemeteraian MoU itu disempurnakan Datuk Mohamad Sadik dan Naib Canselor disaksikan oleh Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hj. Marzuki Yahya.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Dato' Seri Ramlan Ibrahim;

Penolong Naib Canselor UUMCOLGIS merangkap Dekan SOIS, Prof Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani dan pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri dan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.